



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UCAPAN ALUAN

**YBHG. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PSIKOLOGI RAKYAT
1MALAYSIA
@ KOMUNITI SEBUYAU
#PR1SMA@KOMUNITI**

**20 OKTOBER 2017
(JUMAAT)**

**PUSAT DEWAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN
SEBUYAU**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Keluarga Bahagia.

<**SALUTASI**>

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari yang berbahagia ini bagi meraikan **PROGRAM PSIKOLOGI RAKYAT 1MALAYSIA @ KOMUNITI SEBUYAU** yang temanya berbunyi "***Nang Rindok Ati Klorgo Buyo***".
2. **Keluarga** merupakan unit asas yang sangat penting dalam masyarakat. Seperti kata pepatah, "***Segalanya bermula dari rumah***". Ibu dan bapalah orang yang bertanggungjawab memberi teladan dan didikan terbaik dalam membentuk sahsiah dan akhlak anak-anak. Anak-anak ini pula bakal menentukan masa depan masyarakat kita nanti.
3. Oleh itu, peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam mencapai kesejahteraan, keberkatan dan kejayaan dalam masyarakat kita.

PROGRAM PSIKOLOGI RAKYAT 1MALAYSIA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Fokus pada program kali ini adalah untuk **memberi maklumat kesedaran, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran psikologi keibubapaan** khusus untuk golongan ibu bapa agar

dapat mengatasi cabaran mendidik dan membesarkan anak-anak terutamanya di zaman teknologi serba canggih dan kian mencabar ini.

5. Oleh yang demikian, pihak kami mengambil inisiatif untuk menggunakan strategi **“Outreach”** dan **“Engagement”** seperti **Program Psikologi Rakyat 1Malaysia** ini untuk mendidik serta menyebarkan capaian perkhidmatan kaunseling dan psikologi, khususnya berkaitan kemahiran keibubapaan, tips kekeluargaan dan kemahiran asas sokongan psikologi kepada komuniti Sebuyau yang dipilih.

6. Di samping itu, program ini juga dilaksanakan dengan matlamat untuk **mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan** melalui *booth* seperti :
 - Perkhidmatan kaunseling dan psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak
 - *Satellite Office* Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan
 - Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuching
 - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
 - Klinik Kesihatan Sebuyau
 - Unit Kaunseling SMK Sebuyau
 - Gerai jualan Usahawan Mikro Kecil (UMK)

MATLAMAT PR1SMA @ KOMUNITI SEBUYAU

Para hadirin yang dihormati sekalian

7. **Objektif utama bagi program PR1SMA @ KOMUNITI SEBUYAU adalah bagi** meningkatkan kesedaran dan kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak menangani cabaran sosial zaman teknologi.

8. **Selain itu, program ini juga adalah bagi** meningkatkan kesedaran dan celik akal masyarakat bahawa mereka boleh membantu ahli masyarakat yang mengalami masalah menggunakan pendekatan kaunseling dan psikologi.

9. **Saya juga berharap agar hasrat bagi** mendidik masyarakat tentang pelbagai jenis khidmat kaunseling dan psikologi ditawarkan untuk mencapai kesihatan dari segi emosi, mental dan perlakuan dalam kehidupan seharian akan dapat dicapai.

PEGAWAI PSIKOLOGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Para hadirin yang dihormati sekalian

10. Pegawai Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat bukan sahaja menyediakan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada kumpulan sasar sama ada yang sukarela atau dirujuk malah, mereka turut terlibat menjalankan **intervensi krisis** dan

sokongan psikologi kepada mangsa bencana atau individu dan keluarga yang terlibat dalam krisis, tragedi, kemalangan atau keganasan.

11. Sebagai contoh, apabila berlaku banjir, tanah runtuh atau tragedi seperti kes Lahad Datu, gempa bumi di Sabah, helikopter terhempas di Batang Lupar Sarawak, tragedi MH17 dan MH370, Pegawai Psikologi turut bertugas untuk memberikan sokongan psikologi atau intervensi krisis kepada ahli keluarga mangsa sejeurus selepas berlakunya bencana, tragedi atau keganasan tersebut.
12. Tindakan ini sangat penting untuk membantu **mencegah ketidakupayaan** keluarga mangsa agar mampu bertindak **membantu diri sendiri** serta **ahli keluarga yang lain**.
13. Pegawai Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak tidak bersendirian dalam menjalankan tugas mereka. Mereka juga dibantu oleh Pegawai-Pegawai Psikologi dari jabatan dan agensi lain seperti Pegawai Psikologi PDRM, Pegawai Psikologi Jabatan Pendidikan, Pegawai Psikologi Jabatan Kesihatan, Pegawai Psikologi Jabatan Penjara, Pegawai Psikologi UNIMAS dan juga Pegawai Psikologi institut Kemahiran iaitu Politeknik dan Institut Kemahiran Mara.

KURSUS TRAINING OF TRAINER PSYCHOLOGICAL FIRST AID

Para hadirin yang dihormati sekalian

14. Pada 3-5 Mei 2017 yang lepas seramai 55 orang Pegawai Psikologi dari pelbagai agensi, **ahli AKRAB PDRM** dan **sukarelawan kebajikan** telah menjalani latihan di Hotel Merdeka Palace Kuching bagi kemahiran dalam **Kursus *Training of Trainer Psychological First Aid*** sebagai usaha mewujudkan Pasukan Sokongan Psikologi (***Psychological Support Team***) di Sarawak.

15. Dalam kursus ini Pegawai Psikologi dan petugas bencana dilatih dan diberi keyakinan untuk menguruskan krisis dan memberi sokongan psikologi kepada mangsa bencana melalui simulasi seolah-olah melibatkan bencana sebenar. Kursus ini sangat penting kerana Kaunselor berdaftar atau petugas lapangan dalam menghadapi tugas bencana perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan ***Psychological First Aid*** (PFA) dan mengikuti **tatalaku berlandaskan Piawaian WHO dan Lembaga Kaunselor**. Kajian membuktikan PFA adalah satu alternatif yang lebih baik untuk **membantu penyembuhan jangka panjang** individu yang mengalami krisis.

HARAPAN

Para hadirin yang dihormati sekalian

16. Di kesempatan ini, saya menyeru semua pihak yang hadir mengambil peluang terhadap perkhidmatan yang disediakan secara optimum dalam usaha mewujudkan masyarakat yang sejahtera, harmoni dan sihat dari segi fizikal dan mental.

17. Diharapkan dengan adanya Pasukan Sokongan Psikologi (***Psychological Support Team***) ini ianya dapat membantu komuniti ke arah kesejahteraan hidup.

18. Saya berharap para hadirin semua gunakan peluang dan ruang yang ada ini untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat terutamanya dalam menangani masalah individu atau keluarga yang bersifat psikologi.

PENUTUP

19. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada **Cawangan Kaunseling & Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak** dan **Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan** kerana telah bekerja keras untuk menganjurkan program yang sangat bermanfaat dan relevan bagi penduduk di Daerah Kecil Sebuyau ini.

20. Tidak lupa juga syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak **Pejabat Daerah Kecil Sebuyau** dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas usaha gigih dan niat murni mereka dalam menjayakan program ini.

Dengan lafaz 

Saya, dengan sukacitanya merasmikan penutupan PROGRAM PSIKOLOGI RAKYAT 1MALAYSIA @ KOMUNITI SEBUYAU, pada petang yang penuh berkat dan bermakna ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.